



یونیورسیتی کبھسان ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 8925 0199 / 8921 5841 / 8921 5833 Fax : 03 8925 6067

E-mel : [kpustaka@pkriscc.cc.ukm.my](mailto:kpustaka@pkriscc.cc.ukm.my) Laman web : <http://www.ukm.my/library>

Pejabat Ketua Pustakawan

UKM 3.7/204/36-1 Jld. 3

2 September 2002

Puan Shahrozat Ibrahim  
*Perpustakaan Negara Malaysia*

Puan Noriyah Md. Nor  
*Perpustakaan Universiti Malaya*

Puan Hajjah Laila Hassan  
*Perpustakaan Universiti Putra Malaysia*

Puan Rapeeah Ahmad  
*Perpustakaan Universiti Sains Malaysia*

Puan Mazmin Mat Akhir  
*Perpustakaan Universiti Utara Malaysia*

Puan Noraziah Sharuddin  
*Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia*

Cik Kalsom Sharif  
*Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Cik Masnah Hj. Abdul Karim  
*Perpustakaan Universiti Teknologi MARA*

Encik Md. Yazid Muji  
*Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional*

Cik Siti Khabshah Masrom  
*Perpustakaan Universiti Multimedia Telekom*

Puan Rabiatal Ahya  
*Perpustakaan Universiti Teknologi PETRONAS*

Cik Anna Michael  
*Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah*

Puan Margaret Simeng  
*Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak*

Cik Aishah Mohd Nasir  
*Perpustakaan Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM)*

Puan Maimunah Kadir  
*Perpustakaan Hospital UKM*

Encik Tusiman Mingun  
Puan Hafsa Mohd  
Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan/Puan,

**MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL  
BIL. 5/2002**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat tersebut akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 17 September 2002 (Selasa)  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 5  
Perpustakaan Tun Seri Lanang  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Agenda mesyuarat ialah :

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat JKK PDK Bil. 4/2002  
(minit dilampirkan)
2. Perkara-perkara berbangkit
3. Hal-hal lain

Sekian, di atas kehadiran tuan/puan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

*"Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat"*

Yang benar,



**PUTRI SANIAH MEGAT ABD. RAHMAN**  
Ketua Pustakawan/  
Pengerusi  
JKK Pangkalan Data Komersil

MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL  
BIL. 4/2002

Tarikh : 20 Jun 2002  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 5  
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi

*Yang Hadir*

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman (UKM)  
Puan Noriyah Md. Nor (UM)  
Puan Shahrozat Ibrahim (PNM)  
Cik Anna Michael (UMS)  
Cik Siti Khabshah Masrom (MMU)  
Cik Masnah Hj. Abdul Karim (UiTM)  
Puan Maimunah Kadir (HUKM)  
Encik Tusiman Mingun (UKM)  
Puan Hafsa Mohd (UKM)

*Turut Hadir*

Encik Azmi Ab. Rashid (BTP)  
Encik Samsudin Baba (BTP)  
Encik Md. Razi Ahmad Junid (BTP)

*Tidak Hadir Dengan Kenyataan*

Puan Laila Hassan (UPM)  
Cik Kalsom Sharif (UIAM)  
Encik Md. Yazid Muji (UNITEN)  
Puan Rapeeah Ahmad (USM)  
Puan Mazmin Md. Akhir (UUM)  
Puan Noraziah Sharuddin (UTM)  
Puan Rabiatul Ahya Mohd. Shariff (UTP)  
Puan Margaret Simeng (UNIMAS)

## 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir

1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:

- 1.2.1 Penyelarasan Bengkel Pengaksesan Maklumat: PDK Langgan  
Kementerian Pendidikan
- 1.2.2 Kertas Cadangan Konsortium beberapa PDK

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 3/02

Minit Mesyuarat disahkan dengan pindaan berikut:

- a. Masukkan nama *Cik Anna Michael (UMS)* dalam senarai *Yang Hadir*
- b. Tukar nombor dalam *Hal-hal lain* dari 5.4, 5.5, 5.6 kepada 6.2, 6.3, 6.4

## 3.0 TAKLIMAT BENGKEL

Pengerusi telah memberikan taklimat kepada wakil BTP mengenai latarbelakang Sistem PERDANA dan JKK PDK dan seterusnya menerangkan secara ringkas mengenai PDK langganan Kementerian Pendidikan mulai tahun 2002 (brosur berkaitan telah dimajukan kepada wakil BTP).

## 4.0 PENYELARASAN BENGKEL

### 4.1 Majlis Perasmian

- a. Tempat – Bilik Mesyuarat Mesra, Aras 3 BTP. Muat untuk 60 orang.
- b. Persiapan Fizikal
  - i. 4 Kerusi VIP-- Prof. Dr. Hassan Said, Pengarah BTP, Puan Zawiyah Baba, Dato' Zaiton Osman.
  - ii. 'Backdrop' --Sekretariat JKKPDK akan sediakan menggunakan powerpoint
  - iii. Skrin, LCD Projector dan PA System akan disediakan oleh BTP
  - iv. Folder -- Disediakan oleh PNM
  - v. Brosur -- 2 brosur: Maklumat bengkel dan Maklumat PDK Langgan KP
- c. Pembaca doa -- kakitangan BTP
- d. Juruacara majlis -- kakitangan BTP
- e. Teks ucapan
  - i. Prof. Dr. Hassan Said -- disediakan oleh Cik Masnah
  - ii. Puan Zawiyah Baba -- disediakan oleh Cik Siti Khabshah

### 4.2 Jamuan

- a. Minum pagi/petang dan makan tengahari – anggaran kos RM15 /sehari/individu. Akan ditaja oleh pembekal
- b. Semua jamuan diadakan di kantin BTP
- c. Majlis perasmian untuk 60 orang termasuk Ketua Pustakawan IPTA, Ahli PERPUN dan Pegawai Kanan di Kementerian Pendidikan Surat jemputan akan disediakan oleh PNM
- d. Semasa bengkel jamuan disediakan untuk 40 orang

### 4.3 Persiapan perkakasan/perisian di Makmal Utarid

- a. Ada 15 unit komputer ( Pentium IV) – peserta bengkel dihadkan kepada 30 orang
- b. Internet Explorer versi 5.0 ke atas
- c. Acrobat Reader
- d. Alamat IP (IP range) akan dimaklumkan oleh BTP
- e. Pencetak – Jaringan

4.4 Ahli JKK PDK akan melawat BTP pada 25/6/02 jam 2.30 ptg.

#### 4.5 Aturcara Bengkel

##### *Hari Pertama: 12/7/02 (Jumaat)*

8.00 pagi	Pendaftaran (Meja di luar Makmal Utarid)
9.00 pagi	Majlis Perasmian
9.45 pagi	Minum pagi
10.30 pagi	Taklimat oleh Pengerusi JKK PDK
11.00 pagi	Sesi 1: Proquest Education Complete (UM)
12.15 tgh	Makan tengahari
2.45 petang	Sesi 2: Business Source Premier (UIAM/UPM)
4.30 petang	Minum petang

##### *Hari Kedua: 13/7/02 (Sabtu)*

8.30 pagi	Sesi 3: ScienceDirect (UPM/UIAM)
10.00 pagi	Minum pagi
10.30 pagi	Perkhidmatan lain-lain PDK: Emerald, Proquest Digital Dissertation
12.30 tgh.	Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil
1.00 petang	Makan tengahari dan bersurai

#### 5.0 KERTAS CADANGAN KONSORTIUM

- Emerald -- Kos langganan individu secara kontrak selama 5 tahun bagi UM (8,995 pound) dan MMU (10,999 pound) lebih murah dari kos konsortium. Kos langganan individu bagi UMS ialah 18,000 pound setahun. Ahli JKK PDK yang ingin menyertai konsortium ini, perlu meneliti surat perjanjian yang telah diposkan kepada semua institusi yang melanggan Emerald.
- Web of Science -- Terlalu mahal, langgan SCI/SSCI dalam bentuk CD-ROM
- SciFinder Scholar -- Lebih kepada bidang Kimia sahaja
- Biological Abstract -- Perbandingan harga dengan CD-ROM akan ditinjau. Sekiranya tiada jauh perbezaan boleh dilanggan melalui web
- PDK bidang Perubatan – Akan diadakan perundingan dengan Lippincot untuk mendapatkan harga bagi 10 orang pengguna

#### 6.0 HAL-HAL LAIN

- Senarai PDK langganan setiap IPTA akan dibuat mengikut institusi dan mengikut perkara
- Pihak PERPUN tidak bersetuju dengan cadangan JKK PDK untuk memberikan ID dan katalaluan kepada pustakawan SPP

6.3 Wakil dari IPTS seperti KUSTEM, KUITHO, KUKUM dsbnya tidak perlu menghadiri mesyuarat JKK PDK. Sekretariat JKK PDK akan sebarkan maklumat terkini mengenai PDK melalui e-mel dan sekiranya wakil dari mana-mana institusi tersebut ingin menghadiri mana-mana mesyuarat boleh memaklumkan kepada pihak Sekretariat JKK PDK

6.4 Buku rekod kehadiran mesyuarat akan disediakan di masa akan datang

6.5 Wakil dari Ovid Miss Jolene telah memberikan penerangan mengenai konsortium Kluwer.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Bertarikh : 24 Jun 2002*

*HM/fmn*